

03/01/2002

Karpal bidas Ketua Pemuda Pas

GEORGETOWN, Rabu - DAP membidas Ketua Pemuda Pas, Mahfuz Omar, kerana menuduh parti itu menunggu undangan menyertai Barisan Nasional (BN) berikutan keengganannya menyokong barisan pembangkang dalam pilihan raya kecil Indera Kayangan.

Timbalan Pengerusi Kebangsaan parti itu, Karpal Singh berkata, tidak akan menyertai BN walau apa pun terjadi.

"Saya harap pucuk pimpinan Pas menerima penjelasan ini dan saya tidak perlu mengulang sebab utama DAP membuat keputusan itu kerana parti ini tidak akan mengorbankan prinsipnya semata-mata untuk menyokong Pas dalam pilihan raya kecil kali ini," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di pejabatnya di sini, hari ini.

Karpal berkata, kesungguhan Pas untuk menubuhkan negara Islam meletakkannya sebaris dengan hasrat BN kerana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga mahukan perkara sama.

Karpal mengeluarkan kenyataan itu sebagai membidas kenyataan Mahfuz yang mempersoalkan keputusan DAP untuk tidak menyokong calon pembangkang yang bertanding dalam pilihan raya kecil Indera Kayangan itu.

Mahfuz dilaporkan berkata, keputusan DAP tidak menyokong calon pembangkang dalam pilihan raya kecil itu, meletakkan Pas di kedudukan serba salah sama ada untuk menyifatkan DAP sebagai kawan atau lawan.

Mahfuz membuat kenyataan itu kelmarin ketika menghadiri majlis Rumah Terbuka Hari Raya Parti Keadilan Nasional (Keadilan) di Shah Alam.

(END)